



■ Datuk Musa Hitam

Penuh insaf ikrarnya

Oleh Yunus Alias

KUALA LUMPUR, 18/7 — Timbalan Perdana Menteri, yang baru dilantik Datuk Musa Hitam berikrar untuk menjalankan segala tanggungjawabnya dengan penuh insaf dan bertanggung jawab seperti yang diharap rakyat.

Bellau mensifatkan perantikannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam kabinet Datuk Seri Dr. Mahathir

Mohamad sebagai satu cabaran dan petanda kepercayaan Perdana Menteri kepada bellau.

Datuk Musa berkata, "Saya bersyukur kepada Allah kerana telah diberi kepercayaan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri yang baru yang melantik saya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Hal

Ehwal Dalam Negeri."

"Bagi saya, perantikan ini adalah cabaran untuk menjalankan segala tugas itu dengan penuh insaf dan bertanggungjawab seperti yang diharapkan rakyat di negara ini," ujarnya.

Dalam rombakan kabinet itu, Datuk Musa melepaskan jawatan Menteri Pelajaran yang dipegangnya sejak tahun 1978. Jawatan itu kini dipegang oleh Datuk Dr. Sulaiman Daud.

Datuk Musa memenangi jawatan Timbalan Presiden UMNO yang ditandinginya, menewaskan Tengku Razaleigh Hamzah dengan majoriti undi yang besar di perhimpunan agung UMNO Ke 22 bulan lalu.

Mengulas kepercayaan Datuk Seri Dr. Mahathir melantik bellau ke jawatan nombor dua dalam Kerajaan itu, Datuk Musa berkata: "Sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru, saya tidak lupa mengucapkan terima kasih dan penghargaan saya kepada UMNO dan seluruh ahli-ahlinya.

Mandat dan kepercayaan yang telah diberikan oleh UMNO, terutama para perwakilan itu, katanya, membolehkan bellau tiba di peringkat yang penting itu.

"Insya Allah segala tanggungjawab yang berat ini akan saya hadapi dengan penuh ketabahan dan kesungguhan hati.

"Semoga Allah akan bersama kita memelihara negara Malaysia yang kita cintai ini," ujarnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia